

# SESI LIBAT URUS INISIATIF KE ARAH KEBEBASAN MAKLUMAT BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN, KESELAMATAN DAN PERTAHANAN

**Hotel Bangi Resort**

**22 FEBRUARI 2023**



# PENDAHULUAN

**Pada 11 Julai 2018, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya:**

- **Akta Kebebasan Maklumat digubal di peringkat Persekutuan;**
- **BHEUU dan KKMM diberi mandat dalam urusan gubalan akta; dan**
- **BHEUU diberi mandat di bawah NACP 2019-2023 untuk melaksanakan kajian melalui pelbagai siri libat urus dan sesi perbincangan serta mengesyorkan kepada Kerajaan melalui JKKMAR.**



# APA MASALAHNYA?

- Tiada Akta khas yang menjamin hak rakyat untuk mendapatkan maklumat daripada Kerajaan;
- Peruntukan undang-undang sedia ada memberi kekangan / menjadi alasan kebebasan maklumat dilihat seperti disekat;
- Tiada peruntukan undang-undang yang memberi garis panduan yang jelas kepada Agensi Kerajaan untuk berkongsi maklumat; dan
- Tiada pemusatan data awam yang jelas untuk orang awam mohon maklumat dan merayu jika ditolak. (tiada badan pengawal)



# Jadi Kenapa Perlu FOIA?



# KOMITMEN KERAJAAN DALAM KONTEKS KEBEBASAN MAKLUMAT ?

- Prinsip kebebasan maklumat dijelaskan melalui Artikel 19 Deklarasi Universal Hak-Hak Asasi Manusia 1948 (*Article 19 of the Universal Declaration of Human Rights (1948)* yang diratifikasi Malaysia seperti berikut

- “*Semua orang mempunyai hak untuk mempunyai dan menyuarakan pandangan; hak ini termasuklah kebebasan untuk memiliki pandangan tanpa campur tangan dan kebebasan untuk mencari, menerima dan memberikan maklumat serta idea melalui mana-mana media atau melalui apa sahaja saluran*.”



# KOMITMEN KERAJAAN DALAM KONTEKS KEBEBASAN MAKLUMAT ?

- Sebahagian daripada **hak asasi untuk bersuara** (*freedom of expression*) sebagaimana yang dinyatakan melalui **Resolusi 59 Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu tahun 1946 (*Resolution 59 of the UN General Assembly adopted in 1946*).**

- Pada 1999, Malaysia mengiktiraf **Prinsip Kebebasan Maklumat Komanwel** semasa **Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Durban, Afrika.**



# APA ITU KEBEBASAN MAKLUMAT ?

Definisi:

**Pemberian hak akses** kepada **orang awam** untuk **mendapatkan maklumat** milik **badan awam** atau **Kerajaan** (*the right to access information held by public bodies*)



- Sehingga tahun 2019, sebanyak **125 buah negara** telah menggubal perundangan yang berkaitan dengan *right to information (RTI)* atau *Freedom of Information (FOI)* ini.

- Negara **pertama** yang menggubal Akta Kebebasan Maklumat ialah **Sweden** iaitu pada **1766**. **China** juga pada **2007**



# KELEBIHAN/KEKUATAN KEBEBASAN MAKLUMAT

**S1**

- **Meningkatkan kepercayaan** dan **keyakinan rakyat** kepada **Kerajaan**
- Meningkatkan **imej perkhidmatan awam**

**S2**

- Mempertingkatkan mutu **tadbir urus, integriti** dan **pencegahan rasuah/salah guna kuasa** (meyakinkan pelabur)
- Memperbaiki ***ranking* /indeks negara** (meningkatkan pelaburan / ekonomi

**S3**

- Mencetus idea inovasi produk dan perkhidmatan
- Pengetahuan baharu daripada sumber gabungan data



# KELEBIHAN/KEKUATAN KEBEBASAN MAKLUMAT

**S4**

- Ada **badan pengawal** khas (mengawal selia permohonan dan rayuan)
- Mempermudahkan urusan rakyat
- Memperkemaskan rekod pengurusan maklumat Kerajaan

**S5**

- Meningkatkan **keberkesanan penyampaian perkhidmatan** Kerajaan
- **Meningkatkan ketelusan** Kerajaan
- **Menjimatkan** wang Kerajaan (jangka panjang)



# KELEMAHAN/LIMITASI KEBEBASAN MAKLUMAT

**W1**

- **Implikasi** kewangan (kos)
- Per**tambah**an **beban** tugas

**W2**

- **Mengawal selia** permohonan / **data terhad** / hanya terpakai kepada Kerajaan sahaja
- **Melayan karenah** permintaan berdasarkan "sekadar ingin tahu"

**W3**

- **Bukan kebebasan mutlak**: Maklumat-maklumat yang dipohon **masih tertakluk** kepada maklumat yang diklasifikasikan di bawah **Akta Rahsia Rasmi 1972** dan Akta-Akta lain yang secara terang melarang sebarang perkongsian maklumat. **Kepentingan awam**, **keselamatan & pertahanan negara.**

# KELEMAHAN/ LIMITASI KEBEBASAN MAKLUMAT



W4

- Pegawai maklumat **tidak mahir**
- Maklumat **tidak diselaras dengan baik**
- **Data** yang **tidak terkini**/ tidak **seragam**

W5

- Hanya melibatkan maklumat milik Kerajaan



# PELUANG KEBEBASAN MAKLUMAT

**O-1**

- **Penglibatan menyeluruh rakyat dalam pembangunan negara (dasar dan pembangunan)**
- Era Kerajaan tahu semuanya sudah berakhir

**O-2**

- Masyarakat diberikan ruang dan peluang capaian kepada dokumen kerajaan; untuk kritikan membina **(semak imbang)**

**O-3**

- Ketersediaan/ capaian maklumat tentang aktiviti dan operasi kerajaan secara signifikannya akan mengurangkan gelaja rasuah dan salah guna kuasa.



# PELUANG KEBEBASAN MAKLUMAT

O-4

- **Meningkatkan kesedaran masyarakat**
- Pembudayaan cemerlang dan cakna

O-5

- Meningkatkan tahap **pemikiran kepada kelas** yang lebih **tinggi**
- **Peningkatan kesedaran sivik**

O-6

- Keterbukaan ini secara langsung **meningkatkan kebertanggungjawaban** kepada **kakitangan awam/rakyat**
- **Peningkatan kewibadawaan / kepemimpinan**



# ANCAMAN KEBEBASAN MAKLUMAT

**T-1**

- **Manipulasi maklumat** : Boleh **disalahgunakan** oleh pihak tertentu atau kumpulan lain **memanipulasi pendapat umum** atau **mempengaruhi politik/ perniagaan/ perseorangan** dengan menyebarkan maklumat palsu atau mengelirukan menggunakan **data yang sensitif**.

**T-2**

- **Tiada perlindungan khas buat penjawat awam** jika maklumat disalahguna **(Seksyen 203A KK)**

**T-3**

- **Risiko keselamatan:** boleh **disalahgunakan** oleh ***hackers*** atau pelaku jahat lain yang menggunakannya untuk mendapatkan akses kepada sistem maklumat lain



# CABARAN MELAKSANAKAN KEBEBASAN MAKLUMAT

**C-1**

- Memberikan **kefahaman** kepada rakyat tentang konsep kebebasan maklumat (*the* ***do's*** *& the* ***don't's***)
- **Meyakinkan** Agensi Kerajaan / pengurusan tertinggi / penjawat awam / Kerajaan Negeri / PBT

**C-2**

- **Mendapatkan kerjasama** dalam **penyelarasan data & maklumat**

**C-3**

- Penyediaan **data yang mencukupi** dan **terkini** dalam masa yang **cepat/munasabah**



# CABARAN MELAKSANAKAN KEBEBASAN MAKLUMAT

C-4

- Merangka **pelan komunikasi strategik** yang **berkesan** di semua peringkat

C-5

- **Mengenalpasti Akta/Peraturan** yang **bercanggah** atau **bertindih** dengan konsep **Kebebasan Maklumat**

C-6

- Penyediaan **peruntukan** yang **mencukupi** dan **pegawai berkepakaran**



# FOI DI MALAYSIA

**Malaysia**

- **Pulau Pinang:** Enakmen Maklumat Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16/2010] yang telah diwartakan pada 2 Februari 2012
- **Selangor:** Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 [Enakmen 8/2011] yang diwartakan pada 25 Ogos 2011

**Kedua-dua Enakmen ini membenarkan akses orang awam terhadap dokumen Kerajaan Negeri kecuali maklumat yang diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]**



# Di Peringkat Persekutuan?

Tidak ada langsung kah inisiatif yang diambil selama ini??



COVIDNOW
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

**COVIDNOW**
Malaysia Summary

| Vaccinations - At least 1 dose | Active Cases |
|---|---|
| 86.0% | 23,038 |
| Data as of 5 Oct, 11:59 pm | Data as of 5 Oct, 11:59 pm |
| **ICU Utilisation** | **Hospital Utilisation** |
| 63.5% | 74.3% |
| Data as of 5 Oct, 11:59 pm | Data as of 5 Oct, 11:59 pm |

GitHub
MoH-Malaysia

## Kes harian COVID-19

DATA UNTUK MALAYSIA

JUMLAH KESELURUHAN KES
**4,759,830**

KES HARI
**+2,078**




## Penggunaan

DATA UNTUK MALAYSIA

Termasuk penggunaan untuk kes bukan COVID-19, untuk mencerminkan keadaan keseluruhan sistem penjagaan kesihatan awam.






MYPROCUREMENT
Pusat Maklumat Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
UTAMA
PERANCANGAN PEROLEHAN
IKLAN
KEPUTUSAN
ARKIB
MAKLUMAN
TENTANG PORTAL
Tawaran Perolehan Kerajaan
Sila Masukkan Tajuk/No Rujukan/Kementerian/Agensi
Carian Terperinci
SENARAI SISTEM PEROLEHAN KERAJAAN
eperolehan
MyGPIS
Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan
eGPA

**National Fourth Industrial Revolution (4IR) Policy**
Focuses on 5 foundational technologies including big data analytics (BDA) to support the deployment and optimisation of other 4IR technologies

**MyDigital Blueprint**
T1: Drive digital transformation in the public sector
S4: Utilising data to improve government services

**Public Sector Digitalisation Strategic Blueprint 2021-2025 (PSPSA) | ST1: Harnessing Data Intelligence**
Strategy 1: To reinforce management and coordination of data
Strategy 2: To reinforce open data initiative
Strategy 3: To empower government service delivery based on data ingenuity

**Rangka Tindakan Kerajaan Berpacukan Data - Data Driven Government (DDG) 2022 – 2025**
Developed to create a "data driven government ecosystem" through a holistic and efficient data management in the public sector.

**Malaysian Government Central Data Exchange**
(MyGDX**)** Data sharing platform that provides data integration services across agencies to facilitate the provision of End to End (E2E) online services

**Dasar Perkongsian Data Sektor Awam**
Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.2/ 2021.
Enclosed policy and guidelines for public sector data sharing initiatives.

**Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA)**
Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam Bil.1/2017.
To facilitate big data deployment in the public sector agencies.

**Public Sector Data Dictionary (DDSA)**
Pekeliling Am Bil.2/2022.
A standard for data attribute naming in the application systems in the public sector.

**Data Terbuka Sektor Awam**
Pekeliling Am Bil.1/2015.
To promote sharing of public sector open data.

**MyGovEA: Pelaksanaan Pendekatan Reka Bentuk Berstruktur Ekosistem Organisasi Perkhidmatan Awam**
PKPA Bil.1/2020. Guideline for EA implementation in the public sector.

***Government-Wide Reference Architecture*: Data Kerajaan (beta version)**
Framework to facilitate data categorization based on data custodian and services.

**Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) dalam Perkhidmatan Awam** Surat Pekeliling Am Bil.2/2021
For data security in cloud computing and explain the data categorization for electronic data storing.

# Rangka Tindakan Kerajaan Berpacukan Data (DDG) 2022-2025




## Objective

1. To reinforce data management and coordination based on **Once Only Principle**
2. To utilize data from various source
3. To support MyDigital initiative in developing data driven digital service policy

## Scope & Methodology

| | | | |
|---|---|---|---|
| Literacy & governance | Operation, analytic and data value | Data sharing & integration | Data architecture |

## Thrust

- **T1:** Public sector data management governance
- **T2:** Development of policy and guidelines
- **T3:** Data management coordination
- **T4:** Data integration
- **T5:** Big data analytics
- **T6:** Quality assurance and data integrity
- **T7:** Data management literacy improvement and competency development

**Establishment of Data Driven Program Coordination Committee**

(Jawatankuasa Penyelarasan Program Berpacukan Data (JPPBD))

18 clusters | 36 cluster lead | Secretariat: MAMPU






**As per 17th Oct 2022:**
**12,480 datasets | 412 datasets provider | 792,937 visitors**

www.malaysia.gov.my







**18.5 juta pelawat setakat 17 Okt 2022**

MAMPU

# PLATFORM PERKONGSIAN DATA KERAJAAN MALAYSIA

*Malaysian Government Central Data Exchange*

MyGDX
GOVERNMENT CENTRAL DATA EXCHANGE
MENERAJUI INTEGRASI DATA

https://www.mygdx.gov.my

# Kenapa MyGDX?

Sejak 2014, Kerajaan telah mendapati bahawa banyak agensi membangunkan perkongsian data masing-masing.

Kos pembangunan ini adalah tinggi termasuk perisian dan perkhidmatan.

Kerajaan berpendapat perlunya satu platform berpusat bagi memenuhi keperluan agensi dan memudahkan perkongsian data dalam sektor awam.

MAMPU telah dipertanggung jawab untuk membangunkan platform ini bagi kegunaan semua agensi.

**www.mygdx.gov.my**



MyGDX

About MyGDX | Service Catalogue/API | Announcement | FAQ | Contact Us | MS | EN

# About MyGDX

MyGDX is a data sharing platform that provides data integration services across agencies to facilitate the provision of End to End (E2E) online services. The implementation of MyGDX allows information to be coordinated and shared more efficiently. This will reduce the cost of infrastructure and system integration for each agencies.

**EASY**

Facilitate data validation for agency users.

**VALID**

The data from the original source *(Single Source of Truth)*.

**DATA ENABLER**

Facilitate seamless data integration from multiple sources.

**CATALYST**

Comprehensive and inclusive Government Online Service delivery.

## Fakta # MyGDX

Status pelaksanaan MyGDX sehingga kini

| | | | |
|---|---|---|---|
| 129 | 25 | 7 | 227 |
| Katalog API Aktif | Agensi Pembekal Data | Agensi Pengguna Data | Bilangan Pengguna |
| 18 | 133 | 432 | 177,821 |
| Sistem Berintegrasi | Langganan API | Integrasi S2S | Transaksi |

# Dasar Perkongsian Data Sektor Awam

PKPA Bil. 2 Tahun 2021 (Ogos 2021)






KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
DASAR PERKONGSIAN
DATA NASIONAL
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA



# Dasar Perkongsian Data Nasional (NDSP)

- Diterajui oleh KKD dengan kerjasama MDEC, MAMPU dan CGSO.

- Memudahkan pergerakan dan perkongsian data bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

- Bermula sejak Mei 2019 dan merangkumi pihak Kerajaan, swasta dan juga rakyat awam dan telah didokumentasikan pada tahun 2022.





“Eh macam dah ada banyak jer….. “

“Kami dah *share* banyak dah maklumat selama ini….”

“Kan MAMPU dah banyak buat??”

“Saya tak berani nak suka-suka *share*, nanti apa-apa terjadi saya yang dipersalahkan …….”

“Dah *ready* ke kita ni?”



"Ketersediaan data dan maklumat tidak semestinya menunjukkan akses yang setara dan bermakna….."

"Perundangan dapat memainkan peranan dalam membentuk semula sikap pihak penawaran dan permintaan dalam menyediakan atau memperoleh maklumat dan data yang penting…"

# PERSOALAN DASAR



Apakah kewajaran untuk menggubal Akta Kebebasan Maklumat?

Adakah Akta ini akan bercanggah dengan Akta 88 atau Peraturan lain dan apakah kesannya?

Sekiranya ya, apakah skop dan bidang kuasa Akta ini?



# PARAMETER DAN HASIL KAJIAN

## PRINSIP PENGGUBALAN AKTA

**Pandangan orang awam:** rakyat pemilik sebenar maklumat sementara Kerajaan bertindak sebagai badan yang membantu menjaga maklumat tersebut.

**Pandangan Kerajaan:** maklumat yang bersifat umum telah dikongsi secara terbuka melalui inisiatif Kerajaan seperti Data Terbuka oleh MAMPU namun maklumat terperingkat perlu disimpan dengan baik.

Cadangan gubalan akta ini dipercayai dapat memastikan *win-win situation* kepada Kerajaan dan rakyat.

## AKSES KEPADA MAKLUMAT

Prinsip kepada kebolehcapaian sesuatu maklumat adalah **pendedahan secara proaktif (*proactive disclosure*)** oleh Kerajaan yang menyimpan maklumat dan **mengurangkan halangan capaian** kepada maklumat tersebut.

Kementerian/Jabatan/Agensi perlu menjadi lebih proaktif dalam menjadikan capaian kepada maklumat tersebut lebih mudah dan pantas.

Akses rakyat kepada maklumat awam perlu melalui desentralisasi.

# PARAMETER DAN HASIL KAJIAN



## LIMITASI

**Pengecualian:** maklumat yang menyentuh keselamatan negara, pertahanan dan hubungan antarabangsa sebagaimana peruntukan Akta 88

Pengecualian boleh dibuat ke atas pengecualian maklumat (***exemption on exemption***) atas keadaan-keadaan tertentu

Pelaksanaan ujian kemudaratan (*harm test*) / ujian kepentingan awam (*public interest test*) perlu dirangka ke atas semua pengecualian, sehinggalah pendedahan maklumat tersebut terbukti mendatangkan kemudaratan sebenar.

## PELAKSANAAN

Kompetensi dan keberadaan (*availability*) pegawai maklumat

Platform data terbuka sedia ada perlu dimanfaatkan sepenuhnya dengan membolehkan permohonan maklumat secara atas talian.



# PARAMETER DAN HASIL KAJIAN

**BADAN PENGAWAL**

Pewujudan suatu badan bebas yang khusus dan berkecuali seperti suatu Suruhanjaya untuk mengawalselia akta.

Lapor terus kepada Parlimen, termasuk Laporan Tahunan dan Belanjawan. Ia akan memberikan unsur semak dan imbang antara pemohon maklumat dengan Agensi Kerajaan

Lembaga Rayuan jika permohonan maklumat ditolak. Dicadangkan untuk diletakkan di bawah KKD atau MAMPU, JPM

**PERTINDIHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI**

Kerajaan Negeri tiada halangan terhadap cadangan gubalan akta ini.

Terdapat keperluan untuk menyemak dan meneliti semua perundangan di peringkat Negeri dan PBT termasuk perundangan subsidiari bagi mengelakkan konflik perundangan.

# Perbandingan Negara-negara Yang Mempunyai Undang-Undang Rahsia Rasmi dan Undang-Undang Kebebasan Maklumat

| NEGARA | Undang-Undang Rahsia Rasmi | Undang-Undang Kebebasan Maklumat |
|---|---|---|
| **United Kingdom** | *Official Secrets Act 1989* | *Freedom of Information Act 2000* |
| **Australia** | *Perlindungan Rahsia Rasmi diperuntukkan dalam Criminal Code Act 1995 (Part 5.6 Secrecy of Information)* | *Freedom of Information Act 1982* |
| **India** | *Official Secrets Act 1923* | *Right to Information 2005* |
| **Thailand** | *Official Secrets Protection Act 1940* | *Official Information Act 1997* |
| **China** | *State Secrets Law 1989* | *Open Government Information Regulation 2007* |

# Perbandingan Negara-negara Yang Mempunyai Undang-Undang Rahsia Rasmi dan Undang-Undang Kebebasan Maklumat

| NEGARA | Undang-Undang Rahsia Rasmi | Undang-Undang Kebebasan Maklumat |
|---|---|---|
| **USA** | *The United States does not have a British-style Official Secrets Act.*<br><br>*Instead, several laws protect classified information, including the Espionage Act of 1917, the Atomic Energy Act of 1954 and the Intelligence Identities Protection Act of 1982.* | *The Freedom of Information Act (FOIA), enacted in 1966* |
| **Sri Lanka** | *Official Secret Act 1955* | *Right to Information Act, No. 12 of 2016* |

## Perbandingan Negara-negara Yang Mempunyai Pesuruhjaya Maklumat dan Pelaporannya

| NEGARA | Nama Gelaran Jawatan | Pelaporan kepada |
|---|---|---|
| **United Kingdom** | Pesuruhjaya Maklumat<br><br>*Information Commissioner (ICO)* | Lapor kepada Parlimen, diletakkan di bawah *Department for Digital, Culture, Media and Sport* (DCMS) |
| **Australia** | *Office of the Australian Information Commissioner* (OAIC)<br><br>*Office of the Australian Privacy Commissioner (JPDP adalah bersekali)* | Pejabat OAIC merupakan agensi bebas di bawah Jabatan Peguam Negara dan melaporkan kepada Peguam Negara. |
| **India** | Ketua Pesuruhjaya Maklumat<br><br>*Chief Information Commisioner* (CIC) | Lapor kepada Parlimen, diletakkan di bawah *Ministry of Personnel* |
| **Thailand** | *Official Commision of Thailand* | *Lapor kepada Parlimen, diletakkan di bawah Prime Minister's Department* |

# Perbandingan Negara-negara Yang Mempunyai Pesuruhjaya Maklumat dan Pelaporannya

| NEGARA | Nama Gelaran Jawatan | Pelaporan kepada |
|---|---|---|
| **China** | *Office of the Government Chief Information Officer* | *Congress,* diletakkan di bawah *State Council Information Office (SCIO)* |
| **Indonesia** | Komisi Informasi Pusat (CIC) | Majlis Perwakilan Rakyat Indonesia |
| **Sri Lanka** | *Right to Information Commission of Sri Lanka* (4 Commissioners & Chairman) | *Department of Labour* |
| **USA** | *Director, Office of Information Policy* | Diletakkan di bawah *Department of Justice* dan melaporkan ke Kongres. |



# ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

Platform maklumat yang boleh diakses oleh rakyat untuk manfaat bersama.

Usaha Kerajaan mencapai akauntabiliti dan ketelusan.

Akses kepada maklumat awam yang sahih dan tepat serta *timely.*

Mekanisme terbaik untuk membendung berita tidak benar.

Meningkatkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan.



# IMPLIKASI

1) Perundangan:

- ✓ penggubalan akta baharu, pindaan peruntukan dalam akta-akta tertentu di peringkat Persekutuan seperti Akta 88, seksyen 203A Kanun Keseksaan (Kesalahan Pendedahan Maklumat), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan lain-lain akta berkaitan
- ✓ perundangan di peringkat Negeri termasuk perundangan subsidiari bagi mengelakkan isu pertindihan kuasa dan konflik serta memastikan penyelarasan perundangan di Persekutuan dan Negeri.



# IMPLIKASI

2) **Kewangan:**

**Peruntukan kewangan bagi peringkat :**

**a) <u>pra-penggubalan:</u> Sesi libat urus, kajian lanjut dan penggubalan rang undang-undang berkaitan serta**

**b) <u>pasca penggubalan</u>: Program penerangan dan siar raya kepada masyarakat umum serta pembangunan infrastuktur seperti sistem ICT bagi tujuan perkongsian maklumat secara digital/atas talian. Juga latihan kepada IO.**



# IMPLIKASI

**3) Pelan Komunikasi Strategik:**

**a) Naratif dan pelan komunikasi strategik yang menyeluruh, komprehensif dan teratur dengan kerjasama semua pihak berkepentingan**

**b) Memastikan objektif dan matlamat yang dihasratkan melalui Akta ini sampai kepada masyarakat umum dan juga penjawat awam.**



# Syor-Syor

1. Akta Kebebasan Maklumat digubal dengan mengambil kira keperluan dasar seperti berikut:

i. Permohonan maklumat merujuk kepada maklumat yang dipegang oleh pihak Kerajaan sahaja;

ii. Menentukan jenis dan bentuk maklumat yang boleh diberikan kepada orang awam serta mengenalpasti maklumat-maklumat yang perlu dikecualikan daripada dikongsi;

iii. Mengkaji kompetensi dan keberadaan (*availability*) pegawai maklumat di peringkat Kementerian/Jabatan serta medium untuk memudahcara urusan perkongsian maklumat; dan

iv. Mewujudkan suatu badan bebas yang khusus dan berkecuali seperti suatu Jawatankuasa Khas bagi mengawalselia dan melaksanakan undang-undang ini di mana ia juga bertindak sebagai Lembaga Rayuan sekiranya suatu permohonan maklumat ditolak oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Badan ini disyorkan untuk diletakkan di bawah MAMPU, JPM atau KKD.



# Syor-Syor

2. Akta Rahsia Rasmi 1972 dikekalkan dengan pindaan dan penambahbaikan yang akan diselaraskan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);

3. Membuat pindaan dan penyelarasaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan terhadap semua perundangan yang sedang berkuat kuasa; dan

4. Melaksanakan lebih banyak kajian dan penelitian termasuk sesi libat urus melibatkan Kementerian/Jabatan/ agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan/Negeri/PBT agar cadangan gubalan Akta ini difahami dan disokong dengan dapatan, fakta dan input di peringkat akar umbi, dimuktamadkan serta tidak dipertikaikan pada masa hadapan oleh mana-mana pihak



# Apa seterusnya?

**Membentang, mendapatkan pertimbangan Jawatankuasa Khas yang berkaitan dan persetujuan Jemaah Menteri terhadap perkara-perkara berikut:**

1) **Kertas kajian dasar dengan mengambil kira input tambahan daripada soal selidik awam dan sesi libat urus bersama agensi penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan;**

2) **syor hala tuju cadangan penggubalan FOIA sebagai Akta baharu di peringkat Persekutuan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 masih dikekalkan tetapi dipinda; dan**

3) **Cadangan Pewujudan Badan Pengawal khas.**



# SEKIAN
# TERIMA KASIH